

**TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
MAJLIS PERASMIAN SAINS ON WHEELS
AUDITORIUM PTSFP
4 SEPTEMBER 2014**

**Bismillahirrahmanirrahim
Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

Y.Bhg. Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP

Y.Bhg. **Dr. Kamarulzaman Mohamed Zin**, Chief Executive Officer, Silterra Malaysia Sdn. Berhad

Y. Berusaha **Dr. Hor Poh Jin**, Chief Executive Officer, Managing Partner, Dream Catcher

Yang Berusaha Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor

Y. Berusaha En Nik Naharudin Mohd. Nasir, Senior Manager Malaysia Development Corporation Berhad

Dekan-dekan, Ketua –ketua Jabatan UniMAP

Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-pegawai Kanan Industri

Wakil Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Perlis,

Para Pengetua Sekolah, wakil-wakil media seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

PENDAHULUAN KATA

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Maha Mengetahui apa yang tersurat dan yang tersirat. Bersyukur ke hadratNya yang memberikan kita kekuatan dan kesempatan untuk sama-sama kita berkumpul pada petang yang berbahagia ini.

Selawat serta salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad SAW dan kaum kerabatnya serta sahabat-sahabat Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Saya bagi pihak UniMAP ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menghulurkan kerjasama bagi menjayakan program SAINS On Wheels pada hari ini. Terima kasih juga kerana memilih UniMAP – Universiti Pilihan Yang Berdaya Saing sebagai rakan kerjasama anda.

Terima kasih juga kepada rakan strategik program, Agilent, Dreamwave, Silterra, *Multimedia Development Corporation* (MDeC) dan Dreamcatcher. Saya difahamkan, untuk tahun ini, sebanyak 2 buah sekolah di negeri Perlis dan 3 buah sekolah di negeri Kedah telah dipilih dan ia merangkumi 3 program utama iaitu Bicara ICT kepada pelajar, *Workshop Arduino* dan dialog bersama guru-guru ICT.

LATAR BELAKANG SAINS ON WHEELS

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kerajaan sebelum ini menggalakkan penglibatan universiti – industri untuk menyumbang kepada perkembangan ilmu terutama bidang inovasi dan teknologi di kalangan generasi muda. Berdasarkan konsep Program Pemindahan Pengetahuan (Knowledge Transfer Program; KTP) yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), universiti dan industri perlu memainkan peranan dalam menyumbang dalam pembangunan sosial dan masyarakat setempat dengan menyebarkan ilmu baru dan mendidik masyarakat ke arah hala tuju dan misi yang terbaik dan relevan. Ia juga selari dengan dengan usaha kerajaan untuk menambah bilangan pelajar sekolah menengah dalam aliran sains kepada 60 peratus berbanding hanya 37 peratus pada masa ini.

Justeru, saya amat menyambut baik inisiatif MDeC, yang begitu giat menjalankan program untuk meningkatkan kesedaran dan minat generasi muda dalam aliran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM). Saya percaya, penganjuran S.A.I.N.S (*Science in Action Inspiring the Next Scientist*) on Wheels ini mampu memberi pendedahan dan menyemai minat pelajar sekolah menengah dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dan seterusnya memberi pendedahan kepada mereka mengenai peluang kerjaya di dalam bidang ICT.

UniMAP UNIVERSITI PILIHAN

Teks Oleh Dr. Abdul Hafizh Ismail (FTK) Editing Oleh Suhana Unit Media

Para hadirin sekalian,

UniMAP sentiasa menekankan dan memperkasakan kecemerlangan akademik. UniMAP bergerak pantas dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mencapai hasrat tersebut. Alhamdulillah kita sedang menikmati hasilnya sekarang. Usia 12 tahun kewujudan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) sebelum menjadi UniMAP (7 tahun) bukanlah penghalang untuk UniMAP meraih pelbagai anugerah akademik dan penyelidikan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Terkini, UniMAP telah mendapat tempat ke 242 universiti terbaik Asia di dalam QS University Rankings Asia 2013. Kedudukan itu menjadikan UniMAP berada dalam kelompok 10 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terbaik di Malaysia sekaligus memberikan impak positif kepada sektor pengajian tinggi negara. Ini adalah hasil sumbangan kecemerlangan kualiti pendidikan dan penyelidikan yang dilakukan UniMAP yang meraih pelbagai kejayaan di dalam dan luar negara. Disasarkan pada tahun 2015, Insyaa Allah kita mampu berada dalam kalangan 150 universiti terbaik Asia.

UniMAP turut diiktiraf sebagai Universiti bertaraf **TIGA BINTANG** Keseluruhannya berdasarkan audit QS Stars yang dijalankan oleh QS Intelligence Unit. Audit ini juga mengiktiraf UniMAP sebagai universiti **LIMA BINTANG** dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (akademik), kemudahan prasarana dan kemudahan pembelajaran serta **EMPAT BINTANG** dalam aspek jalinan hubungan.

QS Stars juga mengiktiraf UniMAP **TIGA BINTANG** menerusi aspek kebudayaan, kebolehpasaran graduan serta pengantarabangsaan. Oleh yang demikian, UniMAP terus merangka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran seiring dengan Visi UniMAP ke menjadi “Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa.

CAPs INDUSTRI-ACADEMIA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Salah satu agenda Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu CAPs Industri-Academia dilihat satu platform yang memberikan manfaat kepada UniMAP. Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC), UniMAP adalah salah satu entiti UniMAP yang bertanggungjawab dalam menghubungkan UniMAP dan Industri. Industri dilihat oleh UniMAP sebagai satu aset yang memainkan peranan penting dalam pembangunan staf dan pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bersama berdasarkan MoU/MoA yang ditandatangani sebelum ini.

Selain daripada itu, pihak industri berperanan dalam menjadikan kurikulum program pengajian yang ditawarkan oleh UniMAP sentiasa relevan dari semasa

ke semasa. Ini adalah hasil lawatan oleh pihak industri yang memberikan input kepada UniMAP. Pihak industri juga membantu dalam memberikan peluang kepada pelajar-pelajar UniMAP menjalani dan mengalami dunia sebenar alam pekerjaan melalui program Industrial Exposure (IndEx), Industrial Entrepreneur (IndEnt), dan Industrial Training (InTra).

Hubungan yang erat sebegini bukanlah sesuatu yang jarang berlaku. Di negara-negara membangun hubungan industri dan universiti merupakan sesuatu yang serius dan menguntungkan kedua-dua belah pihak. Sinergi sebegini antara universiti dan industri akan merangkumi isu seperti penyelidikan, perkongsian ilmu dan juga pembangunan modal insan.

Lawrence Dooley daripada **University College of Cork, Ireland**, dalam artikel beliau yang diterbitkan oleh *European Journal of Innovation and Management* pada 2007, menyatakan sejarah jelas konsep “**triple helix**” dimana tiga entiti bekerjasama yakni **Kerajaan, Universiti dan Industri**. Kita tidak boleh abaikan peranan kerajaan dalam menjadi “spearheading” kerjasama Universiti Industri. Sebagai contoh, kerjasama **UniMAP** dan **Silterra**, dibantu oleh **NCIA** atau **Northern Corridor Implementation Authority** membolehkan kita membangunkan **AMBIENCE** sebuah hub latihan dalam teknologi micro mesin.

Dan hari ini, UniMAP menjadi tuan rumah kepada **Program Sains on Wheel**, dengan kerjasama Silterra, **DreamCather** dan dibantu oleh **MdeC, MultiMedia Development Corporation**. Apabila pihak Multimedia Development Corporation (MDeC) memilih UniMAP untuk dijadikan rakan kerjasama untuk melaksanakan Program Sains on Wheels di bahagian utara ini, ianya dilihat suatu program yang memberikan manfaat dan impak besar kepada UniMAP.

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN UniMAP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Untuk makluman hadirin sekalian, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UniMAP telah ditubuhkan dengan rasminya pada tahun 2014. Sebelum ini, sebahagian program teknologi kejuruteraan telah berjalan pada tahun 2012 dan dikendalikan oleh Pusat-pusat Pengajian tertentu mengikut program pengajian yang ditawarkan.

Kini 13 program Teknologi Kejuruteraan ditawarkan dibawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UniMAP. Terdapat lima jabatan di bawah Fakulti iaitu Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektronik, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Ekektrik, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal.

Sebagai pemahaman dan pengenalan kepada hadirin sekalian, Perbezaan diantara Kejuruteraan dan Teknologi kejuruteraan telah digariskan melalui

perjanjian antarabangsa Washington Accord dan Sydney Accord. Menurut Washington accord, graduan kejuruteraan adalah graduan yang dapat mengaplikasikan pengetahuan Matematik, sains dan asas kejuruteraan and pengkhususan kejuruteraan untuk menyelesaikan masalah kejuruteraan yang kompleks.

Manakala menurut Sydney Accord pula graduan teknologi kejuruteraan seharusnya dapat mengaplikasikan pengetahuan matematik, sains, asas kejuruteraan dan pengkhususan kejuruteraan tersebut untuk diterjemahkan dan diaplikasikan di dalam prosedur kejuruteraan, proses, system dan metodologi.

Badan akreditasi antarabangsa *Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET)* pula menyatakan perbezaan diantara graduan kejuruteraan dan graduan teknologi kejuruteraan ialah program kejuruteraan selalunya akan fokus pada teori, manakala program teknologi kejuruteraan akan fokus pada aplikasi. Apabila mereka memasuki alam pekerjaan, selalunya graduan kejuruteraan akan menggunakan masa kerjanya untuk merancang, manakala graduan teknologi kejuruteraan akan menggunakan masa kerjanya untuk melaksanakan perancangan.

Dalam erti kata lain, graduan kejuruteraan nanti adalah *Problem Solver* manakala graduan teknologi kejuruteraan *Doer*. Hakikatnya, walaupun kedua-dua bidang ini adalah berbeza, namun sangat penting untuk pembangunan industri negara. Justeru, UniMAP dan universiti-universiti di bawah MTUN lain iaitu UTeM, UTHM dan UMP telah mengambil langkah proaktif untuk menawarkan program kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan bagi menampung keperluan negara.

Saya juga dimaklumkan, seramai 48 pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah terpilih dalam menjadi sukarelawan untuk menjayakan program Program Sains on Wheels ini. Semoga anak-anak pelajar FTK ini mampu menjadi Duta Kecil UniMAP dalam menyalurkan info seterusnya berjaya menyuntik minat para peserta program untuk mengikuti pengajian di bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan.

Akhir kata, saya mengharapkan agar penganjuran *Program Sains On Wheels* ini mencapai objektifnya seterusnya melahirkan generasi muda yang cintakan Sains. Dengan lafaz Bismillahi Rahmannir Rahim, saya dengan rasminya melancarkan Flagoff Program Sains on Wheels pada hari ini.

Sekian, **Wabillahitaufikwalhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Terima Kasih.